



KEMENTERIAN  
PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI



SIARAN MEDIA



## MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI MEMPENGERUSI BERSAMA MESYUARAT PERTAMA JAWATANKUASA DAYA SAING NEGARA (JKDSN) PACU PENINGKATAN DAYA SAING NEGARA

Penubuhan Jawatankuasa Daya Saing Negara (JKDSN) adalah usaha menggembleng kerjasama Keseluruhan Kerajaan (Whole of Government) bagi meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam, yang sekali gus akan meningkatkan daya saing negara. Fokus adalah ke atas asas daya saing iaitu pengukuhan produktiviti dan kecekapan di pihak kerajaan dan perkhidmatan kepada, antara lain, sektor perniagaan, eksport dan industri/pelaburan.

YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Aziz, Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) mempengerusikan bersama mesyuarat pertama JKDSN dengan YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah Azizan, Menteri Kewangan II (MOF). Selain MITI dan MOF, mesyuarat dihadiri oleh Ketua-Ketua Setiausaha dan wakil-wakil Kementerian dan agensi yang meneraju usaha meningkatkan daya saing negara iaitu Kementerian Pendidikan Tinggi; Kementerian Kesihatan; Kementerian Sumber Manusia; Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat; Kementerian Pendidikan; Kementerian Ekonomi; Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan; Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air; serta Perbadanan Produktiviti Malaysia selaku urus setia.

MITI, telah mengenal pasti 33 indikator dengan 32 tindakan yang akan dilaksanakan dalam jangka masa pendek dan sederhana. Pelaksanaan tindakan-tindakan ini akan menyumbang secara langsung kepada pengukuran indikator yang seterusnya akan meningkatkan daya saing dan produktiviti Malaysia.

Selaras dengan pendekatan Keseluruhan Kerajaan, MITI komited untuk bekerjasama dengan Kementerian dan agensi terlibat dalam menjayakan agenda daya saing negara ke arah mencapai sasaran Kerangka Ekonomi MADANI untuk Malaysia berada dalam kalangan 12 ekonomi paling berdaya saing menjelang tahun 2033.

YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Aziz berkata, “Jawatankuasa ini adalah bukti bahawa kerajaan serius dalam meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam, yang sekali gus akan meningkatkan daya saing negara. Dari sudut pelaburan dan perdagangan, produktiviti dan daya saing yang kukuh akan menarik lebih banyak pelabur dan rakan dagang berimpak tinggi apabila negara mempamerkan keupayaan untuk mengekalkan kestabilan ekonomi, kecekapan infrastruktur, dan tatakelola kerajaan serta tadbir urus korporat yang cemerlang. MITI yakin melalui platform JKDSN yang merentas kementerian, strategi yang lebih bersepadu, holistik dan berkesan dapat dirangka. Matlamat JKDSN bukan sekadar angka iaitu meningkatkan kedudukan Malaysia dalam laporan atau indeks tertentu, malah lebih utama adalah untuk memastikan impak positif kepada rakyat dan perniagaan.”

## **KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI (MITI)** **10 Januari 2025**

Tentang MITI: MITI adalah pemacu utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara ini sebagai sebuah negara perdagangan yang kompetitif di peringkat global. Objektif dan peranannya adalah berorientasikan ke arah memastikan pembangunan ekonomi yang pesat di Malaysia dan membantu mencapai matlamat yang dinyatakan di negara ini untuk menjadi sebuah negara maju.

 603-80008000  [www.miti.gov.my](http://www.miti.gov.my)  [webmiti@miti.gov.my](mailto:webmiti@miti.gov.my)



**PEMACU POTENSI GLOBAL**